



MEMO BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)
KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
06-3878412 (Tel) 06-3878073 (Fax)



KUIM

Ruj. Kami :KUIM/HEPA/UP/07/(04)

Tarikh : 15 Januari 2020
19 Jamadilawal 1441H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PERKARA	KAWASAN LARANGAN KOLEJ KEDIAMAN
KEPADA	Semua Mahasiswa/i
DARIPADA	Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
SALINAN KEPADA :	➤ Timb. Pengarah HEPA ➤ Unit Penempatan ➤ Unit Keselamatan ➤ Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan mesyuarat bersama Unit Keselamatan bertarikh 14 Januari 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman semua pelajar, Kawasan Kolej Kediaman adalah **KAWASAN LARANGAN** kepada yang bukan penghuni (*non-resident*). Hal ini kerana untuk menjaga keselamatan dan keselesaan semua penghuni Kolej Kediaman. Mana-mana orang atau pelajar yang tidak ada sebarang urusan adalah **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke Kolej Kediaman, termasuk pelajar luar (menyewa di luar).

3. Walaubagaimanapun, adalah dibenarkan bagi pelajar luar yang ada urusan seperti menghadiri mesyuarat, program atau apa-apa aktiviti yang melibatkan pelajar luar dengan mematuhi syarat-syarat seperti berikut :

- Bagi urusan keluar masuk pelajar (*non-resident*) perlu menunjukkan kad matrik pelajar di pintu masuk pos pengawal Kolej Kediaman.
- Mematuhi etika pakaian dan sahsiah rupa diri
- **DILARANG MASUK** ke Blok Kediaman
- Diberi **KEBENARAN** keluar-masuk dari jam 8.00 pagi sehingga jam 10.00 malam sahaja
- Mempunyai pelekat kenderaan yang sah (tahun 2020) dan berdaftar di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- Tertakhluk kepada semua Peraturan Tatatertib Pelajar (pindaan 2016)

4. Sehubungan itu, diharapkan semua pelajar dapat mematuhi peraturan ini. Sekiranya terdapat pelajar yang tidak mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan dengan merujuk **Kaedah-Kaedah dan Peraturan Tatatertib Pelajar (Pindaan 2016)**. Segala kerjasama dan perhatian dari semua pelajar didahului dengan ucapan terima kasih.

Wassalam.

"MELAKA BERWIBAWA"

"PINTAR, HIJAU, BERSIH"

"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. BAHAROM BIN SAID)